



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/06/38 (HQ)

### 9,300 WARGA KERJA TNB BERTUGAS SEPANJANG SYAWAL

Hampir 9,300 warga kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) bertugas sepanjang minggu perayaan Aidilfitri tahun ini demi memastikan keselesaan pengguna menyambut hari lebaran bermula esok.

Mereka ini berada di pelbagai bahagian operasi TNB seperti di stesen-stesen janaelektrik dan janakuasa, stesen-stesen penghantaran, Pusat Kawalan Beban Nasional, TNB CareLine dan juga Pusat-pusat Pengurusan Bekalan di seluruh Semenanjung.

“Seperti kelaziman, ada warga kerja kami yang akan bertugas pada cuti lebaran bagi memastikan bekalan elektrik dapat terus dibekalkan tanpa gangguan.

“Seramai 9,300 warga kerja kami akan ditugaskan supaya sambutan Aidilfitri dapat diraikan dengan penuh meriah dan lancar,” kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Encik Amir Hamzah Azizan.

TNB turut membuat pelbagai persiapan awal bagi meminimumkan kemungkinan berlakunya sebarang gangguan bekalan elektrik pada Syawal nanti.

Antaranya menyediakan lebih 50 set janakuasa bergerak (mobile genset) untuk digunakan sebagai punca bekalan alternatif, sekiranya diperlukan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur, pada 4 Jun 2019, jam 9:00 pagi**

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 / Grace Tan di talian 016-6626229 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)